

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2015

RUJUKAN : 8305

SOALAN:

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan rasional dan sebab-musabab Kerajaan terus menerus membawa masuk pekerja asing ke dalam negara dalam keadaan ramai rakyat tempatan terutamanya belia-belia yang menganggur dan berhadapan dengan pelbagai masalah sosial. Bagaimana Kementerian hendak menghadapi persepsi rakyat yang Kerajaan lebih mengutamakan keuntungan pengusaha daripada menjaga kepentingan rakyat jelata.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari bahawa isu mengenai pekerja asing merupakan isu yang sangat mencabar sama ada bagi pihak kerajaan mahupun kepada rakyat tempatan. Bagaimanapun, kehadiran pekerja asing bagi mengisi jawatan-jawatan yang tidak digemari oleh rakyat tempatan terutamanya yang berunsurkan 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*) adalah perlu bagi membantu kerajaan untuk meningkatkan dan meningkatkan kemampanan ekonomi negara.

Kerajaan sangat memandang serius mengenai isu pekerja asing serta keresahan rakyat tempatan akan kehadiran pekerja asing. Justeru itu pekerja asing yang memasuki Malaysia akan melalui beberapa tapisan yang teliti sebelum dibenarkan untuk bekerja di Malaysia. Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengawal kemasukan pekerja asing ke negara ini adalah seperti berikut :

- (i) Pekerja asing hanya dibenarkan untuk mengisi jawatan yang tidak mahir dan gagal diisi oleh warga tempatan. Jawatan-jawatan ini telah dihadkan kepada 5 sektor formal iaitu sektor Pembinaan, Perkilangan, Perkhidmatan, Perladangan, Pertanian dan 1 sektor informal iaitu Pembantu Rumah Asing;**
- (ii) Kelulusan pengambilan pekerja asing juga adalah berdasarkan keperluan sebenar industri di sektor-sektor yang dibenarkan;**

- (iii) Saringan kesihatan bagi setiap pekerja asing akan dilaksanakan bagi tiga (3) tahun pertama penggajian pekerja asing di negara ini. Saringan ini adalah bertujuan untuk memastikan bawaan penyakit-penyakit berjangkit dapat dikawal;**
- (iv) Semua pekerja asing hanya dibenarkan untuk memasuki Malaysia melalui Visa Dengan Rujukan (VDR). Kemasukan pekerja asing di pintu masuk negara akan direkodkan ke dalam sistem *National Enforcement Registration System (NERS)* melalui pengambilan biometrik. Sistem ini merupakan pangkalan data biometrik warga asing yang bertujuan untuk mengumpul, merekodkan dan membuat saringan kemasukan warga asing ke dalam negara;**
- (v) Pekerja asing yang bekerja di Malaysia akan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang perlu diperbaharui setiap tahun. Melalui kaedah ini Kerajaan dapat mengetahui keberadaan pekerja asing sepanjang tempoh bekerja di Malaysia. Malahan sebelum sebarang pembaharuan PLKS dibuat, semakan rekod senarai syak dan senarai hitam Jabatan Imigresen Malaysia akan dilaksanakan terlebih dahulu bagi memastikan pekerja asing tersebut tidak melakukan kesalahan imigresen dan juga jenayah. Pekerja asing yang gagal saringan ini tidak akan diperbaharui PLKS sebaliknya akan diambil tindakan undang-undang;**

- (vi) Selain itu, Kerajaan melalui Agensi Kawal Selia sektor ekonomi berkenaan kini sedang mempergiatkan program-program memperkasakan kemahiran di kalangan belia-belia tempatan dalam usaha untuk menarik minat warga tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan di sektor-sektor yang kini diisi oleh pekerja asing; dan

- (vii) Tindakan penguatkuasaan juga sentiasa dipergiatkan dan dilaksanakan secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang masih berada dalam negara. Tindakan tegas juga akan dikenakan ke atas majikan yang didapati melanggar Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 seperti menggaji dan melindungi PATI;

- (viii) Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menambahbaik pengurusan pekerja asing di Malaysia. Sehubungan itu, Kerajaan akan melaksanakan konsep *strict liability* yang bertujuan untuk memastikan majikan bertanggungjawab sepenuhnya kepada pekerja asing yang digajikan bermula dari peringkat permohonan, penggajian dan sehinggalah pekerja asing tersebut dihantar pulang ke negara asal mereka (*end-to-end process*).

Kerajaan sentiasa memastikan kemasukan dan keberadaan pekerja asing di dalam negara dapat dikawal dan dipantau. Justeru itu, Kementerian ini juga bekerjasama rapat dengan Kementerian Sumber Manusia dan semua Agensi Kawal Selia serta agensi

penguatkuasa yang lain bagi memastikan keberadaan pekerja asing di negara ini sentiasa terkawal dan tidak memberi implikasi terhadap keselamatan dan ketenteraman negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2015

RUJUKAN : 8404

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan benarkah ada keperluan untuk
mengambil lagi seramai 1.5 juta pekerja asing sedangkan yang ada
sekarang telah melebihi yang sepatutnya.**

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, kemasukan pekerja asing daripada mana-mana negara sumber termasuk Bangladesh adalah berdasarkan keperluan sebenar majikan yang akan dinilai berdasarkan kelayakan dan kemampuan setiap majikan. Malahan majikan juga perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti memberikan keutamaan pekerjaan kepada rakyat tempatan terlebih dahulu.

Sehubungan itu, cadangan berhubung kemasukan 1.5 juta pekerja dari Bangladesh dibuat setelah mengambilkira perkembangan ekonomi negara dan keperluan industri bagi mengisi jawatan-jawatan yang tidak digemari oleh rakyat tempatan. Bagaimanapun, Kerajaan juga sangat berhati-hati dalam perkara ini agar peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan tidak terjejas dan sentiasa dilindungi. Penetapan ini bukan sahaja dikenakan kepada negara Bangladesh tetapi juga kepada semua negara sumber yang dibenarkan.

Ketika ini kemasukan pekerja Bangladesh dilaksanakan melalui mekanisme "Kerajaan dengan Kerajaan" atau G2G dan hanya terhad kepada sektor perladangan kelapa sawit sahaja. Sehubungan ini, Kerajaan sedang memperincikan mekanisme baru untuk memperkasakan mekanisme sedia ada.

Justeru itu, perluasan mekanisme ini kepada sektor lain kelak hanya sebagai tambahan pilihan negara sumber kepada majikan yang memerlukan pekerja asing. Sebagaimana negara sumber yang lain, mekanisme tersebut juga akan dipantau dan dikawalselia oleh Kerajaan melalui Agensi Kawal Selia di setiap sektor bagi mengelakkan berlakunya kebanjiran pekerja asing dalam negara.

Oleh itu, jumlah sebenar kemasukan pekerja Bangladesh akan bergantung kepada keperluan sebenar majikan semasa permohonan dibuat dan akan dinilai berdasarkan kelayakan serta kemampuan setiap majikan termasuk mematuhi peraturan yang Kerajaan tetapkan seperti memberi keutamaan pekerjaan kepada rakyat tempatan terlebih dahulu.

Sehubungan itu, secara prinsipnya kemasukan buruh asing ke negara ini tidak akan menjejaskan dan menggugat peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan serta keseimbangan pasaran buruh dalam negara kerana pekerja asing ini hanya dibenarkan bekerja di lima (5) sektor formal yang dibenarkan untuk menggaji pekerja asing sahaja iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan.